



# Permata yang Hilang di Bumi Seville

**S**eawal pagi dan usai bersarapan, kami meninggalkan hotel untuk ke Port Tangier, bagi merasai pengalaman menyeberangi Selat Gibraltar untuk ke Port Tarifa. Sampai sahaja di pelabuhan, untuk melepasi pemeriksaan imigresen, kami terpaksa membawa beg dengan menaiki tangga bergerak ke feri yang jaraknya agak jauh, iaitu kira-kira 200 meter. Bagi orang muda, hal itu tidak menjadi halangan tetapi bagi warga emas, bantuan sangat diperlukan.

Kemudian, kami menyeberangi Selat Gibraltar dan menikmati udara nyaman di atas feri yang penuh penumpang dari Maghribi (Morocco)



Penulis di pekarangan Istana Royal Alcazar.

ke Sepanyol. Tidak terasa lama berada di dalam feri kerana kami sempat melihat air laut yang terpisah seperti yang terkandung dalam surah al-Rahman (ayat 19, 20 dan 21). Allahuakbar! itulah perkataan yang boleh diungkapkan, selain ucapan Subhanallah atas kebesaran yang Allah mengizinkan kami melihat keajaiban yang diciptakan-Nya. Kami memerhati air yang laut yang berbeza warna; satu bahagian berwarna biru kehijauan dan sebahagian lagi berwarna hijau gelap.

Kapal yang belayar dari Eropah ke Afrika akan melalui selat ini. Semasa Perang Dunia ke-2, Britain berjaya mengawal selat ini dari pangkalan yang berdekatan. Kapal selam dari Jerman yang memasuki Laut Mediterranean pula dapat dijejaki dengan mudah kerana sesebuah kapal tidak dapat mengapung di situ dan arus bawah lautnya terlalu kuat untuk menyelam.

Selat Gibraltar atau Estrecho de Gibraltar ialah selat yang memisahkan Lautan Atlantik dan Laut Mediterranean. Selat Gibraltar terletak di utara Sepanyol dan bahagian selatannya ialah Maghribi. Selat ini mempunyai lokasi yang sangat strategik dan mempunyai kedalaman sekitar 300 meter dan lebar sekitar 14 kilometer pada sisi tersempitnya.



Para penari sedang menari di tapak warisan UNESCO.



Dua laut yang terpisah antara satu sama lain berdasarkan ayat 20, surah al-Rahman.

Ahli rombongan sibuk mengambil gambar di setiap sudut di atas feri. Ketua rombongan, Ustaz Khairul sempat memberikan tazkirah dan meminta Ustaz Daud untuk membaca surah al-Rahman kepada kami. Allahuakbar, hebatnya Allah atas ciptaan-Mu. Terpesona kami dengan keajaiban itu hingga tidak sedar pun telah sampai di bumi Sepanyol yang mengambil masa kira-kira satu jam setengah.

Pelabuhan ini besar dan megah berdirinya bangunan pejabat dan rumah kediaman di sekitar kawasan ini. Kawasan ini tenang dan tidak sesak dengan kenderaan. Sekitar Port Tarifa seolah-olah sepi dan sunyi serta tidak ramai penduduknya. Kawasan ini mempunyai sejarah yang tersendiri



Bersampan memudik di sekitar Istana Royal Alcazar.

Hotel mewah di bangunan lama di Seville.



Hidangan makan tengah hari.

kerana di sinilah bermulanya sejarah pembukaan pelabuhan oleh seorang pahlawan Islam yang bernama Tariq bin Ziyad.

Beliau seorang pemuda kaum Barbar yang berasal dari tanah Afrika. Tariq seorang panglima yang berperanan penting semasa pemerintahan Khalifah Umayyah Al-Walid. Beliau berjaya menakluki Iberia (Hispania) dan memulakan kerjayanya dalam bidang ketenteraan sebagai timbalan panglima Islam ketika bersama-sama Musa ibn Nusair.

Pada waktu itu, tentera Islam membina benteng pertahanan di Utara Afrika. Kemuncak kerjayanya apabila beliau dihantar oleh Musa ke Semenanjung Iberia yang kini ialah Sepanyol dan Portugal serta berjaya menewaskan tentera Visigoth. Ketika pertama kali mendarat di pantai Semenanjung Iberia, Tariq telah mengarahkan tenteranya membakar semua kapal.

Berdasarkan sejarah Islam, Panglima Tariq telah membawa 7000 orang mendarat di Gibraltar dan kemudiannya bertambah bilangan tentera itu oleh Panglima Musa kepada 5000 orang bagi memperkukuh pertahanan serta kedudukan tentera Islam. Mereka dihantar untuk menghadapi ancaman daripada Raja Visigoth yang telah mengumpul seramai 100 000 orang tentera. Tariq dan tentera bertempur dalam pertempuran Guadalete yang berlaku di Sungai Guadalete. Ketika itu, Tariq berjaya mengalahkan tentera Visigoth dan

mbolehkan Tariq mengembangkan agama Islam dan membuka tempat ini.

Sepanjang perjalanan, kami melalui kawasan ladang yang luas dan terdapat banyak kincir angin. Mohd Scott, pemandu pelancong kami tidak



Pemandangan di sekitar Port Tarifa.



Di pekarangan Istana Royal Alcazar Seville.

henti-henti menceritakan tentang sejarah di sini yang kebanyakannya orang Islam. Akibat takut dipulaukan dan ditindas oleh pemimpin Kristian, mereka terpaksa berpura-pura sebagai orang Kristian. Ketika itu, mereka dipaksa minum arak tetapi masih mengerjakan solat dan sebagainya apabila kembali ke rumah mereka.

Setelah tiga jam perjalanan, akhirnya kami tiba di bandar Seville, iaitu bandar keempat terbesar di Sepanyol dan pusat pentadbiran Andalusia. Kami singgah makan di sebuah restoran yang terletak di pinggir bandar raya Seville dan bersolat jamak Qasar di sebuah masjid yang berdekatan.

Kemudian, kami melawat Istana Royal Alcazar Seville yang dibangunkan oleh raja-raja Moor Muslim. Istana Royal Alcazar merupakan istana yang memiliki gaya seni bina khas Morocco dengan gabungan seni bina Islam dengan gaya renaissans yang sangat unik. Setelah bangsa Arab Moor menguasai Sevilla pada tahun 712 Masihi, sebuah istana yang merupakan kubu pertahanan dibina yang hingga kini masih kukuh. Istana Moor yang dahulunya bernama al-Muwarak. Setelah perebutan kuasa oleh kerajaan Kristian pada pemerintahan Raja Pedro I, sebuah istana baharu dibina di kompleks yang statusnya sama seperti al-Muwarak yang kini menjadi Istana Royal Alcazar.

Istana Royal Alcázar merupakan tapak warisan dunia UNESCO kerana merupakan istana kerajaan yang tertua dan masih digunakan sebagai

kediaman orang kenamaan bagi kerajaan di Eropah. Pelancong boleh membeli tiket masuk yang berharga 9.5 EUR untuk melihat tempat tinggal keluarga kerajaan yang di tingkat tiga. Bangunan ini mempunyai ukiran seperti seni bina Timur Tengah di tembok bangunan istana. Di dalam kawasan istana juga ada taman yang cukup luas yang berisi kolam, air pancut, pohon limau dan burung merak. Yang uniknya, burung merak di sini dilepaskan begitu sahaja. Ada juga kedai yang menjual barang cenderamata, pakaian dan bahan pewangi di celah-celah istana ini.

Kami juga ke hadapan pintu Cathedral yang telah dijadikan tapak warisan dunia oleh UNESCO. Sebagai penganut agama Islam, kami tidak memasuki Cathedral, Giralda Tower dan Gereja Salvador dan sekadar melihat bangunan dan mendengar penerangan yang disampaikan oleh Mohd Scott sahaja. Cathedral

berunsurkan Gothic yang terbesar di dunia. Di dalam Cathedral ini juga terdapat kubur Christopher Columbus dan anaknya Diego.

Kami berada di situ hingga pukul 9.00 malam. Oleh sebab pada waktu ini masih pada awal tahun, kelihatan para remaja masih merayakan tahun baharu. Mereka bersantai di kedai minuman, berpesta sambil minum arak. Kami juga dibawa ke Giralda Tower, menara loceng yang memiliki ketinggian kira-kira 105 meter dan didirikan pada tahun 1198. Menara ini menyerupai menara masjid yang tidak siap yang terdapat di Morocco yang dibina oleh Sultan Hasaan. Untuk sampai ke puncak menara, pelancong harus menaiki tangga dari satu tingkat ke satu tingkat hingga ke atas. Giralda Tower sebuah tempat untuk melihat keindahan kota Seville dari aras yang tinggi.




Kami berkumpul di Port Tangier sebelum menyeberangi Ke Port Tarifa.




Kemudian, kami dibawa berbelanja dan menikmati suasana malam di Plaza Espana. Pemandangan Plaza de Espana Seville pada waktu malam sangat indah. Plaza ini dibangunkan pada tahun 1929 dan sebahagian daripada tempat pameran dunia yang diadakan di Sevilla pada setiap tahun. Kompleks ini jika dilihat dari udara berbentuk setengah lingkaran, iaitu setiap hujungnya ada sebuah menara yang menjulang tinggi. Ketika ini, bangunan di Plaza de Espana merupakan sebahagian dari pusat pemerintahan kota Seville.

Seville dahulu umpama permata buat masyarakat Islam yang sentiasa menyinari tetapi kini permata itu telah hilang sinarnya. Bayangkan betapa hebatnya Panglima Tariq yang bermati-mati menawan Port Tarifa dan membuka kota ini. Keunikan bangunan yang dicipta menunjukkan bahawa orang Islam sangat hebat dan bijak. Kealpaan terhadap kuasa telah membuatkan orang Islam kadang-kadang terleka akan



tanggungjawab untuk memelihara kota dan agama Islam dengan baik. Hal ini telah memberikan peluang dan ruang kepada pihak lain untuk menawan dan menjajah mereka.

Sesungguhnya kunjungan ke Seville menitipkan kenangan dan pengajaran yang perlu diambil sebagai iktibar termasuklah kepada golongan remaja. Walaupun perjalanan ini yang paling manis, ada pengajaran yang perlu diingat bahawa Islam itu hebat dan unik. ds



Menara Giralda dari celah-celah lorong.

